



KEDUDUKAN MAHKAMAH SYARIAH DALAM SISTEM KEHAKIMAN

oleh  
Professor Ahmad Ibrahim

Nabi Muhammad (s.a.w) telah menggariskan prinsip-prinsip perkembangan undang-undang Islam dalam hadith yang masyur. Pada ketika Mu'adh bin Jabal akan diutus oleh Rasulullah sebagai Governor dan Hakim Negeri Yaman, baginda telah bertanya kepada Mu'adh "Bagaimanakah kamu akan menghukum apabila timbul satu pertikaian?" Mu'adh menjawab "Saya akan menghukum berdasarkan Al-Quran" Baginda bertanya "Bagaimana kalau tidak ada panduan dalam Al-Quran?" Mu'adh menjawab "Saya akan berpandu dengan sunnah Rasulullah". Baginda bertanya pula "Bagaimana kalau tidak terdapat dalam sunnahku atau dalam Al-Quran?" Mu'adh menjawab "Saya akan menggunakan ijtihad saya sendiri dan saya akan berusaha sedaya upaya mengenainya". Baginda kemudiannya menepuk dada Mu'adh sambil berkata "Maha Suci Allah yang telah menolong pesuruhNya mendapatkan sesuatu yang menggembirakan pesuruh Allah"<sup>(1)</sup>

Al-Quran adalah sumber undang-undang Islam yang utama dan kekal sepanjang zaman. Kita dapati bahawa mengenai hukum kandungan Al-Quran adalah berkaitan dengan peristiwa-peristiwa yang telah benar-benar berlaku di zaman itu. Allah telah berfirman dalam ayat 101 Surah Al-Maidah maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman. Janganlah kamu bertanyakan (kepada Nabi) perkara-perkara yang jika diterangkan kepada kamu akan menyusahkan kamu, dan jika kamu bertanyakan mengenainya ketika diturunkan Quran, tentulah akan diterangkan kepada kamu"<sup>(2)</sup>

Nabi Muhammad (s.a.w) telah bersabda maksudnya:

"Allah telah mewajibkan beberapa perkara, janganlah kamu abaikannya. Ia telah meletakkan had dan batasan, jangan kamu melampaui batas. Ia telah mengharamkan beberapa perkara, jangan kamu jatuh ke dalamnya. Ia telah tidak menyebut mengenai banyak perkara lain dengan sengaja dan kerana rahmatNya, oleh kerana Ia tidak pernah lupa, jadi jangan tanya mengenainya"<sup>(3)</sup>

Nabi Muhammad (s.a.w) juga telah bersabda maksudnya:

"Tinggalkan aku sebagaimana aku tinggalkan kamu. Terlalu banyak soalan telah mendatangkan bencana kepada ummat sebelum kamu.

Hanya jika aku melarang kamu melakukan sesuatu, barulah kamu jangan melakukannya, dan jika aku menyuruh kamu melakukan sesuatu, barulah kamu mengerjakannya sejauh mana yang kamu boleh." (4)

Para sahabat Nabi juga bersikap realistik dan tidak pernah membincangkan perkara-perkara yang tidak atau belum pernah berlaku. Menurut riwayat apabila Ubbay ibn Ka'b telah ditanya akan pendapatnya mengenai sesuatu perkara, ia telah bertanya balek "Sudahkan perkara itu berlaku?" Apabila dijawab "belum", beliau langsung berkata "Tinggalkan kami dahulu sehingga ia betul-betul berlaku. Apabila ia sudah berlaku, kita akan membuat keputusan mengenainya." (5)

Dari kajian kita keatas hadith-hadith Rasulullah, kita dapati adalah sebahagiannya daripada keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh Baginda -

a) Khansa binti Khidam Al-Ansariya telah meriwayatkan bahawa ia sudah menjadi janda dan bapanya telah mengahwinkannya dengan seorang lelaki. Perkahwinan tersebut tidak disukai olehnya. Ia telah mengadu kepada Rasulullah dan Baginda telah memutuskan bahawa perkahwinan tersebut tidak sah. (6)

b) Dari Ayesha: Timbul satu pertikaian mengenai seorang kanak-kanak lelaki diantara Sa'd bin Abu Waqqas dan Abd' bin Zaman. Sa'd telah berkata "Wahai Rasulullah. Budak ini adalah anak kepada saudara saya Utba bin Abu Waqqas, kerana ia telah mengesahkan bahawa budak ini adalah anaknya. Lihatlah mukanya yang serupa". Abd' bin Zaman telah berkata "Wahai Rasulullah. Budak ini adalah saudara kandungku, oleh kerana ia dilahirkan oleh perempuan hamba sahaya kepada bapaku" Rasulullah melihat muka kanak-kanak tersebut dan mendapati ada persamaan rupa dengan Utba. Tetapi Baginda memutuskan "Budak ini adalah untukmu, wahai Abd'd, kerana ia telah dikaitkan dengan orang yang mempunyai tempat tidur kelahirannya, dan orang yang berzina akan direjam". (7)

c) Dari Ayesha: Isteri Rifa'a al Qurazi telah datang menemui Rasulullah dan berkata "Saya telah berkahwin dengan Rifa'a tetapi telah dicerai-kan olehnya yang tidak boleh dirujuk lagi. Kemudian saya telah berkahwin dengan 'Abd Al-Rahman bin Al-Zubair, tetapi apa yang dimiliki olehnya adalah umpama dihujung kain sahaja". Baginda senyum sambil bertanya "Adakah kamu berhajat untuk pulang kepada Rifa'a? Kamu tidak boleh buat demikian hingga kamu telah mengecap kemanisan suamimu dan ia telah menikmati kemanisan mu". (8)

- d) Riwayat dari Ibnu Abbas: Isteri Thabit bin Qais telah datang menemui Rasulullah dan berkata "Ya Rasulullah. Saya tidak menyalahkan Thabit kerana kecacatan akhlaknya atau ugamanya tetapi saya tidak mahu berkelakuan yang menyalahi ugama (mengikut riwayat lain, tidak tahan untuk terus hidup bersamanya). Rasulullah bertanya "Sanggupkah kamu menyerahkan balek kebun yang telah diberikan olehnya kepada kamu?" Ia menjawab "ya". Kemudian, Baginda telah berkata kepada Thabit "Ya Thabit! Terimalah kembali kebun mu dan ceraikan dia". (9)
- e) Riwayat dari Ibnu Abbas: Suami Barira adalah seorang hamba sahaya bernama Mughith. Saya boleh melihatnya sekarang, mengikuti belakang Barira sambil menangis hingga air matanya membasahi janggutnya." Rasulullah bertanya kepada Ibnu Abbas "Ya Abbas. Adakah kamu merasa hairan melihat kaseh sayang Mughith?". Rasulullah kemudian bertanya kepada Barira "Mengapakah kamu tidak pulang kepada suamimu?" Barira bertanya "Ya Rasulullah. Adakah tuan memerintahkan saya berbuat demikian?" Rasulullah menjawab "Tidak. Saya cuma mahu menolong bercakap bagi pihaknya". Barira menjawab "Saya tidak perlu akan dia". (10)
- f) Riwayat dari Jaber: Isteri Sa'ad bin Rabiyy telah datang bersama dua anak perempuannya menemui Rasulullah, lalu berkata "Ya Rasulullah. Ini adalah dua orang anakku bersama Sa'ad. Bapa kanak-kanak ini telah mati syahid di dalam perang Uhud, manakala bapa saudara mereka telah mengambil semua harta mereka. Tidak ada lagi harta yang tinggal untuk mereka dan mereka tidak boleh dikahwinkan melainkan mereka mempunyai harta". Rasulullah berkata "Allah akan menentukannya". Kemudian turun ayat mengenai harta pesaka. Baginda telah memanggil bapa saudara kanak-kanak tersebut dan berkata kepadanya "Berikan kepada 2 orang anak Sa'ad dua-pertiga, kepada ibu mereka satu perlepasan dan baki harta tersebut adalah hakmu". (11)
- g) Sa'ad bin Abu Waqqas meriwayatkan: Rasulullah datang menziarahkan semasa aku sakit di Mekah. Aku berkata kepadanya "Ya Rasulullah, bolehkah saya memberikan semua harta saya sebagai sadaqah?". Baginda menjawab "Tidak". Aku bertanya pula "Bolehkah saya memberikan setengah sahaja?" Baginda menjawab "Tidak". Kemudian aku bertanya "Satu-pertiga?" Baginda menjawab "Ya, satu pertiga, walaupun satu-pertiga sudah terlalu banyak. Adalah lebih baik kamu tinggalkan waris-warisan kamu kaya daripada membiarkan mereka meminta-minta dari orang lain". Pada ketika itu Sa'ad hanya ada seorang anak perempuan. (12)

- h) 'Amr bin Shu'aib meriwayatkan dari datuknya - Bahawa seorang perempuan pernah berkata "Ya Rasulullah, Sesungguhnya anakku ini adalah perutku yang mengandunginya, dan susuku yang menjadi minumannya dan pangkuanku yang memangkunya, sedang bapanya telah menceraikan aku, dan bapanya itu mau mengambilnya daripadaku". Lalu Rasulullah (s.a.w) berkata kepadanya "Engkau yang lebih berhak dengan anak itu, selama engkau belum kahwin". (13)
- i) Abu Hurairah meriwayatkan "Pernahkan aku bersama-sama dengan Nabi (s.a.w) lalu datang seorang perempuan dan ia berkata "Ya Rasulullah! Sesungguhnya suamiku hendak pergi membawa anakku dan sesungguhnya ia telah memberi minumku dari perigi Abu Inabah. Dan sungguh ia telah berjasa kepada ku". Maka berkata Rasulullah (s.a.w) "Berundinglah kamu perkara anak itu". Maka berkata suaminya itu "Siapakah yang berani menghalang aku dengan anakku ini?". Dan berkata Nabi (s.a.w) kepada anak itu "Ini bapa mu dan ini ibu mu. Maka ambilnya tangan yang mana antara keduanya yang engkau kehendaki". Lalu diambilnya tangan ibunya, maka berjalanlah perempuan itu dengan anaknya. (14)
- j) Riwayat dari Yazid bin Nu'aim bin Huzzal dari bapanya berkata "Maiz bin Malik adalah seorang anak yatim yang dipelihara oleh bapaku. Ia telah mengadakan hubungan jenis dengan seorang hamba perempuan kepunyaan sesuatu kaum. Bapaku telah berkata kepadanya "Pergi kepada Rasulullah dan beritahu kepadanya apa yang telah kamu lakukan. Mudah-mudahan Baginda akan mendo'akan supaya Allah mengampunkan dosamu". Ma'iz kemudian datang menemui Rasulullah lalu berkata "Ya Rasulullah, Saya telah melakukan zina. Hukumlah saya seperti yang ditetapkan oleh Allah". Baginda berpaling daripadanya. Ma'iz datang semula mendapatkan Nabi lalu berkata "Ya Rasulullah. Saya telah melakukan zina. Hukumlah saya seperti yang ditetapkan oleh Allah". Baginda berpaling juga daripadanya. Ma'iz datang lagi dan berkata yang serupa, dan Baginda berpaling juga darinya. Apabila Ma'iz telah membuat pengakuan sebanyak empat kali, Baginda berkata "Kamu telah mengakuinya selama empat kali. Dengan siapa kamu melakukannya?" Ma'iz menjawab "Dengan si pulan". Baginda bertanya "Adakah kamu berbaring dengannya?" Ia menjawab "Ya" Baginda bertanya "Adakah kulitmu menyentuh kulitnya?" Ia menjawab "Ya". Baginda bertanya "Adakah kamu melakukan jima' dengannya?" Ia menjawab "Ya". Baginda pun memerintahkan supaya Ma'iz direjam hingga mati. Setelah dibawa ke Harrah dan hukuman

dimulakan keatasnya, ia telah merasa kesakitan kena rejam yang tidak dapat ditahan olehnya lalu ia telah melarikan dirinya. 'Abd Allah bin Unais telah terserempak dengannya ketika ia telah dapat lari jauh dari orang-orang yang mengejanya. Tulang kaki unta yang dibaling oleh 'Abd Allah telah kena tepat kepadanya dan Ma'iz terjatuh lalu mati. Orang-orang ramai kemudian datang menemui Nabi melapurkan berita tersebut. Baginda berkata "Kenapa kamu tidak biarkan dia lari? Boleh jadi ia telah bertaubat dan telah diampuni dosanya oleh Allah". (15)

Para sahabat selepas Nabi telah juga menyelesaikan kes-kes pertikaian sebenar yang telah dikemukakan kepada mereka. Kita dapati bahawa Qabisah b. Dhuwaib telah meriwayatkan bahawa seorang perempuan (nenek sebelah ibu kepada seorang yang telah mati) telah menemui Abu Bakar Siddiq menuntut sebahagian daripada harta pesaka. Abu Bakar telah berkata kepadanya: "Al-Quran tidak membolehkan kamu mewarisi mana-mana bahagian, dan aku belum juga mendengar hadith Rasulullah mengenai. Pulanglah dahulu sementara aku bertanya dahulu kepada orang lain". Ia pun bertanyakan perkara tersebut, dan Mughirah bin Shu'ubah berkata "saya hadir apabila Rasulullah memberi hak satu-perenam kepada seorang nenek seperti itu". Abu Bakar bertanya jika ada orang lain yang turut mengetahui mengenainya. Muhammad bin Maslamah Ansari bangun lalu mengesahkannya. Selepas itu Abu Bakar memberi perempuan itu satu-perenam bahagian pesaka. Dalam masa Umar b. Al-Khattab, seorang perempuan (nenek sebelah bapa) telah menuntut bahagiannya keatas harta pesaka. Ia berkata kepada perempuan tersebut "Kamu tidak mempunyai apa-apa hak dalam Al-Quran dan apa yang telah diputuskan terlebih dahulu adalah untuk orang yang lain daripada kamu. Aku tidak akan menambah apa yang telah ditentukan, iaitu setakat satu-perenam. Kalau ada dua orang seperti kamu, hendaklah kamu berkongsi bersama. Kalau kamu seorang sahaja, maka itu untuk kamu seorang" (16)

Ada riwayat yang sama dari Wassim bin Muhammad menyatakan perihal seorang nenek sebelah bapa dan seorang nenek sebelah ibu datang menemui Abu Bakar Siddiq. Abu Bakar hendak memberinya sebahagian satu-perenam kepada nenek sebelah ibu apabila seorang Ansar berkata "Tidakkah tuan memberikan satu bahagian kepada seorang yang mana jika sekiranya ia mati dan simati masih hidup dia akan menerima bahagiannya". Mendengar teguran ini, Abu Bakar membahagikan bahagian satu-perenam itu untuk dibahagi bersama kepada kedua-dua perempuan tersebut. (17)

Dalam masa Umar Al-Khattab, seorang perempuan telah meninggal dunia, meninggalkan waris-waris terdiri daripada suaminya, ibu, 2 saudara lelaki seibu sebapa dan 2 saudara lelaki seibu. Dalam perbicaraan yang pertama, Umar memutuskan mengikut bahagian yang ditentukan dalam Al-Quran, iaitu setengah bahagian kepada suami, 1/6 kepada ibu, 1/3 kepada saudara seibu tiap-tiap seorang, dan akibatnya tiada bahagian lagi untuk 2 saudara sebapa tersebut. Kedua-dua saudara sebapa itu merayu terhadap keputusan tersebut, mengatakan bahawa oleh sebab mereka mempunyai ibu yang sama dengan simati, mereka mempunyai hak yang sama seperti hak saudara seibu. "Wahai Amirul Muminin" kata mereka. "Misalkan bapa kami seekor himar. Tidakkah kami mempunyai ibu yang sama dengan simati?" Umar menerima hujjah tersebut, lalu memutuskan hukum pembahagian harta itu diubahsuai dan mengesahkan hak saudara sebapa mewarisi harta sama haknya dengan saudara seibu. (18)

Yahya bin Abd Rahman bin Talib berkata bahawa hamba-hamba Hatib bin Abu Balta'ah telah mencuri saekor unta dari seorang dari kaum Mazinah dan membunuhnya dan kemudian telah mengaku melakukan perbuatan tersebut. Kes tersebut telah dibawa ke hadapan Khalifah Umar, dan dinyatakan bahawa hamba-hamba tersebut telah pun mengaku salah. Umar memerintahkan Kathir bin Al-Salt untuk memotong tangan mereka tetapi kemudiannya menarik balek perintah tersebut sambil memanggil Hatib seraya berkata "Jika saya tidak mengesyaki bahawa kamu telah membiarkan mereka kelaparan sehingga salah seorang dari mereka telah melakukan apa yang dilarang oleh Allah, saya akan memotong tangan mereka, tetapi dengan nama Allah jika kamu tinggalkan mereka saya akan mendenda kamu bagi pihak mereka dengan jumlah gantirugi yang setimpal yang akan kamu rasa". Umar kemudian bertanya kepada tuannya unta akan harganya, lalu dijawab olehnya "Kalau saya ditawarkan empat ratus saya tidak akan memberinya". Umar kemudian memerintahkan "Bayar dia lapan ratus". (19)

Pada mulanya hakim-hakim telah menduduki tempat yang tinggi dan mulia dalam Islam dimana mereka adalah bebas dari pengaruh badan pentadbiran dan perundangan. Malangnya dalam zaman yang berikutnya mereka telah kehilangan kedudukan tersebut dan juga kebebasan mereka. Di Malaysia khususnya, penjajahan Inggeris dan kemasukan undang-undang Common Law Inggeris dan sistem kehakiman mereka telah merendahkan kedudukan hakim-hakim Syariah. Walaupun sebahagian daripada hakim-hakim Syariah itu berkelulusan tinggi mereka nampaknya telah hilang kepercayaan

kepada diri sendiri dan maruah diri sebagai pelindung kedaulatan undang-undang Islam. Mereka telah ditempatkan disatu taraf yang rendah untuk sebegitu lama dibawah kuasa badan pentadbiran. Hingga sekarang pun dalam banyak perkara mereka tertakluk kepada mahkamah sivil, dimana keputusan-keputusan mereka boleh diketepikan dan dibatalkan. Dibeberapa buah negeri misalnya ada peruntukan dalam Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam yang berbunyi -

"Tiada sesuatu yang terkandung dalam Enakmen ini akan menyentuh bidang kuasa mahkamah sivil dan jika berlaku mana-mana perselisihan atau pertentangan diantara keputusan mahkamah Kathi Besar atau Kathi dengan keputusan mahkamah sivil yang bertindak mengikut bidang kuasanya, keputusan mahkamah sivil hendaklah dipakai".<sup>(20)</sup>

Untuk mengembalikan Undang-undang Syariah kepada kedudukan asalnya sebagai undang-undang negeri dan menaikkan semula serta mempertahankan kedudukan hakim-hakim Syariah sebagai pelindung Undang-undang Syariah, kita perlu memperbaiki taraf dan kedudukan mereka dan menghidupkan semula semangat yakin pada diri sendiri dan maruah atau harga diri mereka. Mungkin dalam hal ini, kita boleh mempelajari contoh-contoh dari negara-negara Islam yang lain dimana pentadbiran Undang-undang Islam adalah lebih tersusun dan berkesan. Malangnya kita tidak mengetahui sangat akan cara bagaimana Undang-undang Islam ditadbir di negara-negara Arab. Misalnya, lapuran-lapuran kes dari mahkamah-mahkamah negara Mesir, Arab Saudi dan Emirate Arab Bersatu tidak terdapat di Malaysia sebagaimana keadaannya dengan lapuran-lapuran kes dari England, Amerika Syarikat, Australia atau New Zealand. Satu sistem lapuran kes-kes adalah amat perlu supaya para hakim, peguam dan cendiakawan di semua negara Islam boleh melihat bagaimana undang-undang Islam berkembang di dalam masyarakat moden. Sebagaimana yang disarankan oleh Persidangan Pelajaran Islam bahawa "kajian ilmu fiqh hendaklah dihubungkan terus dengan kehidupan semasa sebagaimana ianya benar-benar diamalkan, bersamaan dengan segala macam isu dan masalah, dan penekanan khusus terhadap penyelesaiannya sebagaimana dipakai secara bersepadu dalam masyarakat Islam"<sup>(21)</sup> maka sudah semestinya kita perlu berpandukan kepada pengalaman-pengalaman di negara-negara Islam. Adalah menyedihkan bahawa di Malaysia kita dapat mengetahui perkembangan terakhir Undang-undang Inggeris tetapi tidak mempunyai kemudahan untuk mengetahui bagaimana Undang-undang Islam berkembang di negara-negara Islam.



Walau bagaimanapun, sedikit sebanyak terdapat juga beberapa laporan kes-kes dari negara Pakistan dan Indonesia di negara kita. Malangnya keputusan-keputusan tersebut tidak diketahui oleh hakim-hakim Syariah kita. Satu kajian yang baru dibuat terhadap keputusan-keputusan mahkamah Syariah di Malaysia menunjukkan hanya terdapat satu kali rujukan dibuat, iaitu mengenai keputusan mahkamah Jirja di Mesir pada 3hb Julai 1933 dan itu pun kerana kes tersebut tercatit dalam buku Fiqh Sunnah oleh Sayid Sabiq. (22)

Di dalam buku Fiqh-us-Sunnah, Sayid Sabiq telah menyebut beberapa kes yang telah diputuskan di Mesir. Antaranya ialah -

a) Pengadilan Agama tingkat pertama di Kota Thantha, Mesir pernah menjatuhkan putusan terakhirnya bertanggal 13 Juli 1932 yang di dalamnya menyatakan ketentuan-ketentuan sebagai berikut -

- a) Segala yang diberikan oleh peminang kepada pinangannya di luar barang-barang yang dimaksudkan bagi aqad nikah, dianggap sebagai hadiah;
- b) Barang-barang hadiah, hukum dan pengertiannya sama dengan barang hibah;
- c) Barang-barang hibah, merupakan ikatan pemberian yang menjadi milik penerimanya sejak barang itu diterima. Dan bagi penerimanya ia berhak sepenuhnya terhadap barang hibahan tadi untuk dijualbeli dan sebagainya dan sifat pengunannya juga bebas;
- d) Barang hibah yang telah rusak atau habis dipergunakan tak dapat diminta kembali;
- e) Pemberi hibah berhak meminta kembali barang hibahnya, selama barang masih utuh. (23)

b) Pengadilan Agama Jirja, Mesir, tanggal 3-7-1933 pernah mengeluarkan putusan sebagai berikut -

Setiap hadhinah (ibu pengasuh) dan mahdhun (anak yang diasuh) punya hak hadhanah. Tetapi hak mahdhun lebih besar daripada hadhinah. Dan sekalipun hak hadhinah dilepaskan akan tetapi tetap hak hadhanah anak yang masih kecil tidak dapat gugur. (24)

c) Pengadilan Agama Iyath tanggal 17 Oktober 1928 mengatakan "Jika ada orang selain ibu dengan suka rela menafkahi mahdhun yang masih disusui, akan tetapi tetap tidak dapat menggugurkan kewajiban ibu untuk mengasuh anak yang menyusu itu. Bahkan tetap ada ditangannya dan tidak dapat terlepas dari tangannya selama ia masih menyusu. Hal ini berjalan terus sampai anak kecil ini tidak menjadi rusak sekiranya dilepaskan dari asuhan ibunya yang merupakan orang yang paling belas kasihan kepadanya dan sangat besar kesabarannya dalam melayaninya. (25)

d) Pengadilan Distrik Karmuz, tertanggal 10-4-1932 mengeluarkan keputusan kemudian dikuatkan oleh Pengadilan Negeri Iskandariah tertanggal 29 Mei 1932, yang memutuskan menolak gugatan seorang bapak yang menuntut agar seorang anak perempuannya yang kecil diserahkan kepadanya. Karena ibunya, yang juga sebagai isterinya tinggal di kota yang jauh dari kota tempat tinggal (rumah) mereka sendiri sedangkan mereka ini masih bersuami-isteri. Hal semacam ini secara hukum membatalkan hak ibu dalam hadhanah.

Dasar keputusan Pengadilan ini ialah bahawa menurut fiqh yang kuat ibulah yang lebih berhak mengatur si anak, baik sebelum atau sesudah pisah (bercerai).

Dan adanya penyelewengan isteri tidaklah dapat membatalkan haknya dalam hadhanah (mengasuh anak). Bagi bapak yang mau meletakkan anak laki-laknya yang kecil dalam asuhannya wajib meminta agar ibunya kembali taat kepadanya, selama ikatan suami-isteri masih ada. Jika bapak tidak dapat berbuat demikian, tetapi hanya menuntut agar si anak laki-laknya diserahkan kepadanya berarti ia berbuat zhalim dan tidak dikabulkan tuntutananya itu.

Karena hal itu akan menghilangkan ibu melakukan hadhanah dan hak untuk melihatnya. Dengan demikian, keputusan ini menetapkan kaedah (asas): "Jika ibu pindah membawa anaknya laki-laki yang kecil, sekalipun ke tempat jauh, maka bapaknya tidak berhak untuk mencabutnya, selama ikatan suami isteri masih ada. Karena di sini bapak mempunyai kekuasaan sebagai suami dan berhak menariknya dalam lingkungannya kembali, sehingga si anak dan ibunya akan berkumpul jadi satu dengannya. Begitu pula kalau ibu dalam masa iddahnya. Karena selama iddahnya ia wajib tinggal di rumah iddah." (26)

e) Pengadilan Distrik Biba tertanggal 20 Mei 1931 kemudian dikuatkan oleh Pengadilan Negeri Bani Syu'aib tertanggal 20 Juli 1931 yang menetapkan kaedah atau asas sebagai berikut: "Tuntutan bapak untuk menyerahkan anak laki-laknya yang kecil kepadanya dapat ditolak, jika si anak-anak karena tempatnya, tidak dapat mengunjungi ibunya dan hadhinah (pengasuh)-nya untuk melihatnya dan kembali ke rumah bapaknya sebelum malam hari tiba, selama si ibu masih tinggal di daerah tumpah darahnya, dan jarak antara tempat bapak dan tempat ibunya begitu jauh sehingga menyebabkan ibu tidak dapat melihatnya dan si anak tak dapat kembali sebelum malam tiba, baik jauhnya jarak itu karena kemauan bapak atau bukan kemauannya. Sebab dalam keadaan seperti ini bagi hadhinah (ibu asuh) samasekali bukan kesalahannya.

Sebagai contoh dari gugatan-gugatan seperti ini, bahwa seorang laki-laki penggugat yang pernah kawin dengan perempuan yang digugatnya di tempat ia tinggal, yaitu Bani Maazar.

Kemudian selama hidup perkawinan dengan laki-laki ini mendapatkan seorang perempuan. Lalu si ibu ini diceraikan di tempat tinggalnya tersebut dan masa iddahnya habis setelah ia melahirkan. Kemudian yang tergugat, yaitu si ibu, mengajukan gugatannya di kota Biba dan keluarlah keputusan dari Pengadilan ini, bahwa si ibu berhak melakukan hadhanah terhadap anak perempuannya yang kecil. Keputusan Pengadilan ini tertanggal 29 Oktober 1930 yang ketika itu penggugat yaitu si bapak masih berdiam di Bani Maazar.

Gugat menggugat ini berjalan terus, dan baru selesai ketika si bapak karena tugasnya, kemudian menetap di Asiyuth dimana ia lalu mengajukan gugatannya lagi untuk menuntut agar anak perempuannya yang kecil diserahkan pemeliharaannya kepadanya. Padahal umur anak tersebut ketika itu tak lebih dari 2 tahun 8 bulan. (27)

f) Pengadilan Damanhur tertanggal 25 Oktober 1927 mengeluarkan putusan yang belum dibanding, yaitu hanya pada tingkat Pengadilan Negeri sendiri, bahwa secara hukum sesungguhnya hadhinah selain ibu kandung tidak berhak membawa anak laki-laknya yang kecil dari negeri bapaknya kecuali dengan izin bapaknya.

Tetapi sebagian ahli fiqh berpendapat larangan tersebut berlaku jika dua tempat itu berjauhan, umpamanya jauhnya tempat itu tidak memungkinkan si bapak kalau melihat anak laki-lakinya dapat pulang kembali ke rumahnya sebelum malam tiba, bukan dua tempat yang berdekatan, dimana ibu dan lain-lainnya masih mungkin dapat melihat si anak dan kembali pulang ke rumahnya sebelum malam tiba.

4) Dengan demikian kami berpendapat adalah sangat penting melihat kembali keputusan-keputusan Pengadilan (Yurisprudensi) yang dianggap sebagai pelaksana praktis hukum-hukum Fiqh, sebut Sayid Sabiq.

Dalam hukum-hukum Fiqh ini terdapat pemecahan tentang masalah-masalah kehidupan praktis yang sulit dan seyogyanya Hakim memahami nas-nas Fiqh tersebut sesuai dengan kenyataan dalam hidup itu sendiri. (28)

Mengikut Perlembagaan Pakistan, semua undang-undang hendaklah ber-sesuaian dengan hukum Islam seperti yang termaktub dalam Al-Quran dan ditentukan dalam Sunnah. Kerajaan Pakistan telah mengisytiharkan bahawa semua undang-undang yang bertentangan dengan Al-Quran dan Sunnah boleh dihukum oleh Mahkamah Tinggi sebagai tidak sah dan terbatal. Untuk melaksanakan perisytiharan ini pada mulanya, Mahkamah Tinggi Pakistan mempunyai Bahagian Syariahnya dan begitu juga Mahkamah Agungnya mempunyai Bahagian Syariah bidanguasa rayuan, bertempat di Rawalpindi. Bahagian Syariah ini diberi kuasa untuk membatalkan undang-undang semasa dan undang-undang di masa depan yang bercanggah dengan hukum Islam, tetapi ada pengecualian tertentu. Kemudiannya, dalam tahun 1980, Bahagian Syariah ini telah digantikan dengan satu Mahkamah Syariah Persekutuan di Islamabad, yang dianggotai oleh 5 orang hakim dan 3 orang ulama yang mahir dalam hukum Islam. Mahkamah ini juga telah diberi kuasa, atas dayausahanya sendiri, untuk memeriksa mana-mana undang-undang yang terletak dalam bidang kuasanya untuk memperakukan pindaan-pindaan yang perlu supaya bersesuaian dengan Al-Quran dan Sunnah. Rayuan dari Mahkamah Syariah Persekutuan ini boleh dibuat kepada Mahkamah Agong, dan untuk mendengar rayuan tersebut Mahkamah Agong telah menubuhkan bahagian rayuan Syariahnya dengan dianggotai oleh 3 orang Hakim Islam Mahkamah Agong bersama dengan tidak lebih dari 2 orang Ulama yang dilantik oleh Presiden.

Dalam kes Muhammad Riaz lwn Federal Government (29) Mahkamah Syariah Persekutuan itu telah menentukan garis panduan untuk menjalankan tugasnya. Aftab Hussain H berkata -

"Saya berpendapat bahawa kaedah untuk menghapuskan segala percanggahan dengan Al-Quran dan Sunnah adalah seperti berikut -

- 1) Mulakan dengan mencari ayat-ayat Al-Quran mengenai perkara atau isu yang berbangkit;
- 2) Tentukan ada atau tidak Hadith atau Sunnah Nabi mengenainya;
- 3) Mencarikan maksud ayat-ayat Al-Quran dari hadith-hadith Nabi;
- 4) Tentukan pendapat dan pandangan ahli Fuqaha mengenai perkara tersebut dan meneliti hujjah-hujjah mereka supaya dapat ditentukan sama ada bersesuaian dengan keadaan dan keperluan semasa, atau pun perlu diubahsuai mengikut zaman moden;
- 5) Mencari dan pakai, sebagai usaha terakhir, mana-mana pilihan lain yang tidak syak lagi adalah bersesuaian dengan Al-Quran dan Sunnah".

Dalam kes tersebut, Mahkamah Syariah Persekutuan telah memutuskan bahawa beberapa peruntukan dalam Kanun Keseksaan termasuklah seksyen-seksyen 302, 304, 326 dan 329 adalah bertentangan dengan hukum Islam kerana tidak ada peruntukan mengenai qisas dan diyat. Mahkamah membuat keputusan tersebut berdasarkan Al-Quran, Hadith dan pendapat ahli fuqaha.

Di dalam kes Pakistan v Public at Large <sup>(30)</sup> Mahkamah Agong, Pakistan telah memutuskan bahawa di dalam menjalankan tugasnya untuk menentukan undang-undang dari al-Quran dan Sunnah, Mahkamah Syariah Persekutuan bukan sahaja perlu menentu dan menyebutkan apa undang-undang itu yang berdasar kepada Al-Quran dan Sunnah akan tetapi Mahkamah itu hendaklah membuat rujukan yang terang kepada Al-Quran dan Sunnah. Tanpa rujukan kepada al-Quran dan Sunnah keputusan itu adalah tidak lengkap. Di dalam kes itu beberapa keputusan Mahkamah Syariah Persekutuan di Pakistan telah dirujukan semula kepada Mahkamah itu kerana di dalam keputusannya Mahkamah itu tidak menyebut rujukan kepada Al-Quran dan Sunnah. Mahkamah Agong Pakistan juga menegaskan sungguhpun Mahkamah harus memandang keadaan-keadaan dan perubahan dari masa ke semasa, namun demikian ini tidak membolehkan apa-apa perubahan kepada ahkam yang ditetapkan oleh al-Quran dan Sunnah.

Sebelum diwujudkan Bahagian Syariah di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Syariah Persekutuan pun, para hakim di Pakistan, yang kesemuanya telah mempelajari undang-undang Islam, telah melibatkan diri dalam

pemakaian hukum Islam. Semasa British menjajahi India, Privy Council dan mahkamah-mahkamah di India telah sama-sama bersikat negatif. Dalam kes Agha Mahmood Jaafar Bindanin lwn Kalsoom Bee Bee <sup>(31)</sup> Privy Council telah memutuskan "Adalah salah bagi mahkamah untuk dengan sendirinya mentafsirkan Al-Quran dengan maksud yang bercanggah dengan apa yang telah ditentukan oleh ahli tafsir di zaman silam". Keputusan ini telah ditentang dalam mahkamah-mahkamah Pakistan selepas negara tersebut merdeka.

Dalam kes Khurshid Jan lwn Fazal Dad <sup>(32)</sup> Mahkamah Tinggi di Lahore telah memutuskan bahawa pendapat Privy Council, yang disebut diatas, tidak boleh dipakai lagi. "Jika terdapat pendapat didalam sesuatu buku teks itu, walau bagaimana lama dan dihormati sekalipun, yang bercanggah dengan hukum yang terdapat dari ayat al-Quran atau hadith Nabi yang sahih dan jelas maksudnya, maka tidak ada syak lagi hukum itu hendaklah dipakai dan adalah menjadi tanggungjawab Mahkamah menentukan hukum yang sebenar".

Anwarul Haq H telah berkata -  
"Dengan perasaan rendah diri saya berpendapat bahawa adalah salah untuk dijadikan satu peraturan bahawa mahkamah pada masa ini tidak mempunyai kuasa untuk mentafsir ayat Al-Quran berlainan dengan apa yang telah dilakukan oleh fuqaha dan imam-imam silam. Pendapat seperti itu akan menjejaskan dynamisma dan ciri kesejagatan U gama Islam dan undang-undang Islam.

Dalam pada itu pendapat ahli fuqaha dan imam-imam zaman silam hendaklah dihormati dan mahkamah atau ahli perundangan masakini tidaklah seharusnya menolak melainkan dalam keadaan yang memaksa dan ada sebab-sebab yang menasabah. Saya juga ingin menjelaskan disini bahawa perselisihan tafsiran ini tidak bermakna kita mengenyepikan hukum-hukum yang terkandung dalam Al-Quran dan Sunnah atau pun ijma atas alasan-alasan ekuiti, suci hati atau kepentingan awam. Mahkamah mestilah diberi hak untuk mentafsir Al-Quran dan Sunnah. Mereka juga dibolehkan berse- lisih pendapat dengan ahli fuqaha atas alasan istihsan atau istislah dalam perkara-perkara yang tidak ada disebut dalam Al-Quran, hadith, ijma atau qiyas yang mengikat. Dalam pada itu perlu ditekankan bahawa pandangan ahli fuqaha dan imam-imam zaman dahulu hendaklah dihormati dan diikuti akan tetapi hak untuk tidak mengikutnya hendaklah tetap ada juga bagi mahkamah-mahkamah masa kini di Pakistan kerana menafikan

hak tersebut adalah bertentangan dengan ruh Islam sejati dan juga berlawanan dengan tanggungjawab mahkamah dibawah undang-undang dan Perlembagaan untuk mentafsir undang-undang apabila mereka mentadbir-nya dalam kes-kes yang dibicarakan dihadapan mereka".

Oleh yang demikian, mahkamah-mahkamah di Pakistan telah meneliti semula dan memberi pandangan mereka sendiri dalam beberapa isu penting yang dikemukakan kepada mereka. Sebagai contohnya, 'kita rujuk kepada -

- a) Muhammad Baksh lwn Crown <sup>(33)</sup> dimana diputuskan bahawa perintah mahkamah adalah tidak perlu untuk mengesahkan pemilihan isteri meneruskan perkahwinan itu apabila ia baligh.
- b) Musammad Munni lwn Habib Khan <sup>(34)</sup> dimana diputuskan bahawa penolakan perkahwinan yang dibuat oleh seorang itu ketika baligh berkuatkuasa menghapuskan ikatan perkahwinan tanpa apa-apa tindakan mahkamah.
- c) Balqis Fatima lwn Najm-ul-Ikram Qureshi <sup>(35)</sup> dimana diputuskan khuluk adalah berdasarkan perintah hakim dan bukan atas kehendak suami dan seorang isteri itu boleh menuntut khuluk walaupun suaminya tidak setuju.
- d) Rashida Begum lwn Shahab Din <sup>(36)</sup> dimana diputuskan bahawa seorang ibu tidak semestinya hilang hak hadhanah keatas anak-anaknya apabila ia berkahwin lagi dengan lelaki yang tidak ada hubungan muhrim dengan anak-anak tersebut. Pandangan harus diberi kepada kebajikan anak itu.
- e) Khurshid Bibi lwn Muhammad Amin <sup>(37)</sup> dimana diputuskan oleh Mahkamah Agong, mengesahkan prinsip dalam kes Balqis Fatima lwn Najmul Ikram Qureshi bahawa mengikut hukum Islam seorang isteri itu berhak menuntut khuluk jika ia dapat membuktikan kepada mahkamah bahawa penolakan tuntutan itu akan mengakibatkan isteri itu terpaksa terus hidup sebagai isteri yang sentiasa membenci suaminya.
- f) Abdul Rahim lwn Shahida Khan <sup>(38)</sup> dimana Mahkamah Agong mengesahkan lagi bahawa apabila seorang itu amat benci terhadap suaminya dan tidak ada kemungkinan lagi ianya boleh hidup rukum damai dengan suaminya serta dengan penuh kesedaran akan tanggung jawabnya, isteri itu adalah berhak menuntut khuluk dari mahkamah.

g) Abdul Ghani lwn Taleh Bibi <sup>(39)</sup> dimana diputuskan bahawa undang-undang Islam mengenai kesahtarafan seorang kanak-kanak hendaklah diikuti dan seksyen 113 Akta Keterangan tidak boleh dipakai.

h) Hamida Begum lwn Murat Begum <sup>(40)</sup> dimana keputusan kes Abdul Ghani lwn Taleh Bibi telah dipersetujui dan diputuskan bahawa undang-undang Islam mengenai kesahtarafan hendaklah dipakai dalam kes-kes yang melibatkan orang-orang Islam.

i) Federation of Pakistan v Hazoor Bakhsh <sup>(41)</sup> dimana telah diputuskan bahawa hukuman bagi zina yang diperuntukkan di dalam Offence of Zina (Enforcement of Hudud) Ordinance, 1979, iaitu rajm untuk muhsan dan sebat rotan untuk bukan muhsan adalah sah oleh kerana hukuman itu mengikut apa yang ditetapkan oleh al-Quran dan Sunnah.

Berbeza dengan Pakistan, Indonesia mempunyai mahkamah Syariah untuk memutuskan kes-kes yang melibatkan orang Islam. Ada terdapat Mahkamah Syariah di peringkat rendah dan ada juga Mahkamah Rayuan. Mahkamah Agong mempunyai kuasa ulangkaji dalam soal undang-undang dari Mahkamah Rayuan dan kuasa umum mengawasi pentadbiran mahkamah (sebagaimana mahkamah-mahkamah yang lain) berjalan secara betul dan saksama. Mahkamah Agong mempunyai seorang Timbalan Hakim Besar yang mempunyai kuasa mengawasi pentadbiran mahkamah-mahkamah Syariah.

Bidangkuasa Mahkamah Syariah di Indonesia adalah terhad iaitu hanya meliputi kes-kes keluarga dan terutama sekali kes-kes dibawah Akta Perkahwinan 1974. Di beberapa tempat di Indonesia, selain daripada Pulau Jawa dan Madura, Mahkamah Syariah juga mempunyai bidangkuasa mengenai harta pesaka. Undang-undang Islam adalah satu mata pelajaran wajib di semua Fakulti Undang-undang di Indonesia dan oleh yang demikian semua peguam dan para hakim adalah arif dalam hukum Islam. Kebelakangan ini, keputusan Mahkamah Syariah dan Mahkamah Agong ada dilapurkan dalam penerbitan-penerbitan resmi. Diantara keputusan-keputusan tersebut terdapat yang berikut -

1) Selam lwn Merti. <sup>(42)</sup> Dalam kes ini diputuskan bahawa seorang isteri yang dicerai semasa ia mengandung berhak menuntut nafkah semasa iddah, belanja bersalin dan saraan hidup bagi anak tersebut. Mahkamah Syariah di peringkat awalan (perbicaraan) membuat keputusan



berdasarkan ayat 6 Surah At-Talaq dan Kitab Al-Muhawanah. Rayuan yang dibuat kepada Mahkamah ditolak dan Mahkamah Rayuan berpandukan kepada Bughyatul Mustarshiddin. Apabila dirujuk kepada Mahkamah Agong keputusan kedua-dua Mahkamah tersebut telah disahkan.

2) Juariah lwn Yunus <sup>(43)</sup>. Dalam kes ini, seorang isteri telah mendakwa bahawa ia telah dipaksa kahwin dengan pihak yang kena tuntutan dan semenjak hari perkahwinan mereka sentiasa berkelahi. Ia mendakwa bahawa mereka tidak boleh hidup bersama sebagai suami isteri. Mahkamah perbicaraan (peringkat awalan) telah memutuskan supaya dijatuhkan satu talak, dengan berpandukan kepada hadith dari Ibnu Abbas dalam Subulus Salam dan dalam buku "Nas dan Hujjah Syariah". Diperingkat rayuan, Mahkamah Rayuan telah meluluskan rayuan sambil memutuskan bahawa mahkamah sepatutnya menjalankan proses hakam dalam proses Syiqaq seperti yang disebut dalam Al-Quran, ayat 35 Surah An-Nisaa. Apabila dirujuk kepada Mahkamah Agong, diputuskan bahawa proses Syiqaq tidak semestinya diikuti. Dalam kes ini, keterangan adalah cukup jelas dan pihak menuntut berhak mendapatkan perintah cerai seperti yang diputuskan oleh Mahkamah perbicaraan.

3) Nariman Zed lwn Abdullah <sup>(44)</sup>. Dalam kes ini seorang isteri telah mengadu bahawa sejak ia berkahwin dengan suaminya selama 6 tahun yang lalu ia tidak hidup bahagia kerana perkahwinan itu adalah kahwin paksa. Ia telah berpisah dengan suaminya selama 1 tahun tetapi suaminya tetap enggan menceraikannya. Malahan pula suaminya telah memujuknya untuk kembali hidup bersama dengannya tetapi ia telah menolak. Usaha telah dijalankan untuk mendamaikan kedua pihak tetapi semuanya gagal. Isteri tersebut kemudiannya telah menuntut cerai. Kes ini telah dikira sebagai kes syiqaq dan hakam telah pun dilantik. Mahkamah telah merujuk kepada ayat 35 Surah An-Nisaa dan kitab-kitab "Khulashatuttiryak" dan "Hashiyah Tuhfah". Hakam telah setuju bahawa isteri patut diceraikan dengan talak satu. Mahkamah mengesahkan hukum cerai tersebut. Apabila dirayu ke Mahkamah Rayuan, dakwaan dibuat bahawa hakam bagi pihak suami telah gagal menjalankan tugasnya dengan sempurna, malahan telah tidakpun menemui atau berunding dengan suami. Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa keputusan Mahkamah perbicaraan berdasarkan persetujuan hakam itu dibatalkan. Walau pun demikian, Mahkamah Rayuan telah mengambil kira fakta sebenar dan memutuskan bahawa perkahwinan tersebut telah runtuh dan jika kedua pihak terus

hidup bersama, ini akan hanya membawa derita. Oleh yang demikian, mahkamah telah memutuskan bahawa isteri hendaklah dicerai dengan talak satu berdasarkan hukum dan kaedah khuluk. Mahkamah berpandukan Kitab Al-Muhazzab dan Kitab Gohayatul Murom. Apabila kes ini dirujuk kepada Mahkamah Agong, mahkamah memutuskan bahawa Mahkamah Rayuan telah silap mengenai hak isteri mendapatkan perintah cerai berdasarkan khuluk kerana tidak ada keterangan yang menunjukkan isteri telah menawarkan apa-apa bayaran tebus talak. Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa keputusan Mahkamah perbicaraan hendaklah dikekalkan.

4) Tian Supartinah lwn Koeswiradyo dan Rostini.<sup>(45)</sup> Dalam kes ini pihak menuntut, isteri kepada pihak kena tuntutan, yang pertama telah meminta mahkamah mengeluarkan perintah mengisytiharkan perkahwinan pihak kena tuntutan yang pertama dengan pihak kena tuntutan yang kedua sebagai batal dan tidak sah. Pihak menuntut telah menyatakan bahawa ia telah hidup dengan rukun damai bersama pihak kena tuntutan yang pertama apabila ia berkahwin dengan pihak kena tuntutan yang kedua tanpa mematuhi kehendak Undang-undang Perkahwinan 1974. Mahkamah perbicaraan memutuskan bahawa perkahwinan tersebut batal, berasaskan peruntukan Undang-undang Perkahwinan 1974 dan Kitab Bughatul Murtashidin. Apabila rayuan dibuat kepada Mahkamah Rayuan dan seterusnya kepada Mahkamah Agong, hukuman Mahkamah perbicaraan tersebut telah disahkan.

5) Sanati lwn Linting.<sup>(46)</sup> Dalam kes ini pihak menuntut, isteri kepada pihak kenatuntut, telah membuat tuntutan untuk mendapat nafkah dari suaminya. Dalam tuntutannya ia berkata suaminya telah berkahwin semula dan telah tidak memperdulikannya. Pihak kena tuntutan telah mendakwa ia telah menceraikan isterinya sebelas tahun dahulu. Walau bagaimana pun ia tidak dapat membuktikan perceraian itu dan jelas perceraian itu hanya diadakan pada tahun 1977. Mahkamah telah menerima tuntutan nafkah itu dan menghukumkan pihak kena tuntutan membayar nafkah untuk masa 11 tahun. Rayuan kepada Mahkamah Rayuan telah ditolak dan Mahkamah Agong kemudiannya mengesahkan keputusan itu.

6) Zawiyah lwn Mahyudin.<sup>(47)</sup> Dalam kes ini pihak menuntut memohon mendapat perceraian dari suaminya. Dalam tuntutannya ia berkata dia telah tidak mendapat nafkah dari suaminya semenjak perkahwinan mereka sembilan tahun dahulu dan baharu-baharu ini suaminya tidak lagi tinggal

bersamanya. Suaminya tidak bekerja dan mempunyai tujuh anak dari perkahwinan dahulunya. Oleh kerana anak itu selalu terjadi perghaduhan. Usaha untuk pendamaian telah dibuat akan tetapi gagal. Mahkamah telah membenarkan tuntutan perceraian dan keputusan ini disahkan di Mahkamah Rayuan dan di Mahkamah Agong.

7) Ainul Mardiyah lwn Ibrahim (48) Pihak menuntut memohon mendapat perceraian beralasan kepada ta'alik yang dilafazkan oleh suaminya, pihak kenatuntut. Dalam tuntutannya ia berkata bahawa suaminya telah tidak mematuhi ta'alik itu oleh kerana ia telah meninggalkan langsung pihak menuntut sudah 1 tahun 3 bulan dan tidak memberi nafkah kepadanya. Pihak kenatuntut hadir di Mahkamah dan mengaku dia telah melafazkan ta'alik itu dan dia tidak memberi nafkah kepada isterinya. Ia meminta isterinya balik dan kata ia sedia memberi sebahagian nafkah yang terhutang. Isteri enggan menerima tawaran itu. Mahkamah menerima tuntutan pihak menuntut. Mahkamah Rayuan telah membatalkan keputusan ini oleh kerana ada kemungkinan pihak-pihak itu meneruskan kehidupan mereka sebagai suami isteri. Akan tetapi Mahkamah Agong telah memutuskan oleh kerana pihak kenatuntut telah mengaku ia telah tidak patuhi ta'aliknya pihak menuntut berhak mendapat pengesahan talak khuli apabila membayar iwadlnya.

8) Siti Hawa lwn Abdul Rahman (49) Pihak menuntut memohon perceraian fasakh, oleh kerana suaminya pihak kenatuntut selalu garang dan memukulnya, tidak memberi nafkah kepadanya dan selalu bergaduh dengannya.

Ia berkata ia tidak boleh duduk dengan suaminya dengan rukun dan damai. Pihak kenatuntut mengaku ia telah pukul isterinya, sebabnya isteri enggan memberi wang untuk membayar hutangnya. Ia kata ia telah suruh ambil gajinya dari majikannya akan tetapi isterinya enggan. Mahkamah telah berkenan dengan permohonan pihak kena tuntutan dan telah menfasakhkannya. Apabila rayuan dibuat kepada Mahkamah Rayuan, Mahkamah Rayuan berpendapat perkara itu harus diselesaikan melalui cara melantik hakim. Apabila rujukan dibuat kepada Mahkamah Agong Mahkamah telah bersetuju dengan Mahkamah asal iaitu pihak menuntut berhak mendapat fasakh kerana suaminya tidak memberi nafkah kepadanya.

- 9) Roemisih lwn Nasikan <sup>(50)</sup>. Pihak menuntut telah memohon perceraian kerana suaminya pihak kenatuntut telah tidak mematuhi ta'alik yang dilafazkannya dan telah meninggalkan langsung isterinya hampir dua tahun dan tidak memberi nafkah atau meninggalkan harta untuk nafkahnya. Pihak kenatuntut pada mulanya mengaku telah membuat ta'alik dan telah meninggalkan langsungnya tetapi dia enggan menceraikan isterinya. Apabila perbicaraan diteruskan ia tidak hadir. Mahkamah telah meminta pihak menuntut bersumpah Yaminul istidz'har dan kemudiannya telah membenarkan permohonannya. Apabila rayuan dibuat Mahkamah Rayuan telah membenarkan perceraian dengan satu talak khuli' dengan membayar iwadl.
- 10) Damahuri lwn Sri Supin. <sup>(51)</sup> Di dalam kes ini pihak menuntut memohon kebenaran dari mahkamah untuk menceraikan isterinya. Ia mendakwa isterinya tidak menjalankan tugasnya, kerap kali meninggalkan rumah tanpa izin dan tidak menghormati ibu mertuanya. Mahkamah telah menolak permohonannya kerana tuduhannya tidak dibuktikan. Apabila rayuan dibuat ke Mahkamah Rayuan, Mahkamah berpendapat mereka telah berpecahbelah dan pihak menuntut hendaklah diberi izin menceraikan isterinya.
- 11) Yusda Helena lwn Dahnil Aminuddin. <sup>(52)</sup> Pihak menuntut telah memohon perceraian oleh kerana suaminya pihak kenatuntut selalu garang, telah memukulnya dan tidak memberi nafkah kepadanya. Ia juga memohon nafkah untuk dirinya dan anaknya dan hak jagaan anak itu. Mahkamah telah membenarkan permohonan pihak menuntut dan keputusan ini telah disahkan oleh Mahkamah Rayuan.
- 12) Saleh Ali lwn Anisah. <sup>(53)</sup> Di dalam kes ini pihak menuntut telah memohon mahkamah mengesahkan rujuk yang dilafazkan olehnya di hadapan dua saksi. Mahkamah telah menerima permohonannya akan tetapi apabila rayuan dibuat, Mahkamah Rayuan telah memutuskan oleh kerana rujuk itu tidak dilafazkan dihadapan isteri dan ia tidak diberitahu dan perkara itu tidak dilaporkan kepada Pendaftar yang berkenaan, lafaz itu dianggap liar dan tidak sah kerana tidak mematuhi Perintah yang memerlukan rujuk dilafazkan di hadapan isteri dan Pendaftar. Keputusan Mahkamah Rayuan itu telah disahkan oleh Mahkamah Agong.

Keputusan-keputusan kes di Indonesia adalah tidak begitu panjang dan lengkap seperti halnya di Pakistan, akan tetapi ada mengandungi rujukan-rujukan kepada Al-Quran, hadith dan kitab-kitab tertentu.

Di Malaysia, keputusan-keputusan perbicaraan di Mahkamah Kathi telah baharu-baharu ini dilapurkan dalam Jernel Hukum. Lapuran-lapuran ini meliputi keputusan-keputusan Mahkamah Kathi dan juga Lembaga Rayuan. Tidak ada rayuan atau rujukan kepada 'Mahkamah Agung di Malaysia.

Sebagai contoh kes yang diputuskan di Malaysia rujukan boleh dibuat kepada kes-kes Wan Abdul Aziz lwn Siti Aishah.<sup>(54)</sup> Di dalam kes itu, suami seorang jurutera dan isterinya seorang gurubesar telah berkahwin apabila mereka masih belajar di Australia. Mereka telah mempunyai dua orang anak, Wan Halimatul Tasma dan Wan Anita Kartini. Selepas mereka balek ke Malaysia telah timbul perselisihan antara mereka dan mereka telah tinggal berasingan dari tahun 1972. Selepas itu anak perempuan yang kecil, Wan Anita Kartini, tinggal dengan bapanya di Kota Bahru dan dijaga oleh nenek sebelah bapanya. Anak yang besar tinggal dengan ibunya dan dijaga oleh nenek sebelah ibunya. Telah terjadi perceraian pada tahun 1974.

Dalam kes pertama, ibu itu, Siti Aishah telah menuntut hak jagaan anak kecilnya, Wan Anita Kartini, pada masa itu empat tahun umurnya. Pada masa itu ibu itu masih janda dan belum berkahwin semula. Mahkamah Kathi yang membicarakan kes itu telah memberi hak jagaan kepada ibu itu dan bapanya, Wan Abdul Aziz, telah merayu ke Jemaah Pengadilan. Jemaah Pengadilan telah membenarkan rayuan itu dan menghukumkan anak itu hendaklah tetap di bawah jagaan bapanya dalam pemeliharaan dan asuhan orang yang diharapkannya iaitu ibunya dan nenek kepada anak itu. Di dalam keputusannya Jemaah Pengadilan telah berkata - "Pokok dan tujuan hadhanah ialah muslihat dan kebaikan budak yang dipelihara dan dijaga sebagai hak asasi bagi budak itu. Hak yang mesti diutamakan lebih dari hak pihak yang memelihara sebagaimana yang difahamkan daripada fatwa al-Salah yang tersebut dalam Tuhfah dan Nihayat serta diakui oleh Ali Shabramulsi, juga sebagaimana yang disalin oleh Syed Sabiq dalam Fiqh ul Sunnah yang bermaksud -

Di dalam Kerajaan Melayu di Malaysia Mahkamah Syariah menjadi mahkamah yang membicarakan kes-kes dengan rayuan dibuat kepada Raja. Sebagai contoh di Terengganu terdapat tiga buah Mahkamah, Mahkamah Balai,

"Sesungguhnya setiap yang menjaga dan yang dijaga (anak) mempunyai hak dalam hal pemeliharaan tetapi hak yang dijaga lebih kuat dari hak yang menjaga" dan diterangkan oleh Ibu Qadamah dengan katanya yang bermaksud "Thabitnya hadhanah adalah untuk menentukan nasib (kepentingan) budak (kanak-kanak) itu.

Maka dalam perbicaraan kes ini tidak ada keterangan yang menunjukkan terjejasnya muslihat dan kebaikan hidup Wan Anita Kartini dalam pemeliharaan Wan Zabidah yang dijaga dan diawasi oleh bapanya Wan Abdul Aziz".

Di dalam kes itu Badan Peradilan menyebut oleh kerana Wan Anita Kartini telah duduk bersama Hajjah Wan Zabidah ibu kepada Wan Abdul Aziz lebih daripada dua tahun setengah, iaitu satu tempoh yang dipercayai menjadikan Wan Anita Kartini telah bermesraan penuh dengan neneknya Hajjah Wan Zabidah, maka dengan berdasarkan kepada keadaan yang tersebut Jemaah Pengadilan percaya akan tersentuh jiwa hati Wan Anita Kartini kalau dipisahkan dari neneknya Hajjah Wan Zabidah.

Dalam kes yang kedua bapa itu, Wan Abdul Aziz, telah memohon mendapat hak jagaan anaknya, Wan Halimatul Tasma, yang pada masa itu berumur sembilan tahun. Ibunya pada masa itu telah berkahwin semula. Mahkamah Kathi telah menolak tuntutan itu dan berkata -

"Menurut kenyataan kenadakwa dan diakui oleh mendakwa ternyata bahawa Wan Halimatul Tasma telah mulai menetap duduk di bawah jagaan dan pengawasan ibunya Siti Aishah di dalam peliharaan dan asuhan Hajjah Wan Jah (nenek sebelah ibu) dan setelah menetap kira-kira tiga tahun lebih dituntut oleh bapanya Wan Abdul Aziz iaitu satu tempoh yang dipercayai juga menjadi Wan Halimatul Tasma telah bermesraan penuh dengan neneknya Hajjah Wan Jah, maka dengan berdasarkan kepada keadaan yang tersebut saya percaya akan tersentuh jiwa hati Wan Halimatul Tasma kalau dipisahkan dari neneknya Hajjah Wan Jah, tambah-tambah lagi Wan Halimatul Tasma sendiri telah memilih menetapkan di bawah peliharaan neneknya di sebelah ibu".

Rayuan kepada Jemaah Pengadilan telah ditolak.

Di zaman Kerajaan Melayu di Malaysia Mahkamah Syariah menjadi mahkamah yang membicarakan kes-kes dengan rayuan dibuat kepada Raja. Sebagai contoh di Terengganu terdapat tiga buah Mahkamah, Mahkamah Balai,

Mahkamah Hakim dan Mahkamah Syariah. Rayuan dibuat kepada Mahkamah Rayuan yang dipegurusikan oleh Sultan. Kemudiannya apabila pengaruh British berkesan di negeri-negeri Melayu, kuasa Mahkamah Syariah telah diambilalih oleh Mahkamah Hakim dan Mahkamah Magistret yang ditubuhkan dengan nasihat British. Kuasa Mahkamah Syariah telah dihadkan kepada kes-kes mengenai undang-undang keluarga dan kesalahan yang boleh dihukum dengan denda. Di Negeri-negeri Melayu Bersekutu diadakan susunan Mahkamah seperti berikut -

- a) Mahkamah Agong, iaitu Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Hakim
- b) Mahkamah Magistret Klas Pertama
- c) Mahkamah Magistret Klas Kedua
- d) Mahkamah Kathi dan Naib Kathi
- e) Mahkamah Penghulu.

Di negeri-negeri Melayu yang tidak bersekutu, iaitu Johore, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu diadakan susunan Mahkamah yang akan sama.

Apabila Merdeka tercapai dan Persekutuan Tanah Melayu wujud, Mahkamah Syariah tidak lagi dianggap sebagai Mahkamah Persekutuan dan tarafnya telah ditukar menjadi Mahkamah Negeri. Di dalam Perlembagaan Persekutuan, kuasa kehakiman diperingkat Persekutuan diletakkan kepada Mahkamah Agong (dulunya Mahkamah Persekutuan), Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah iaitu Mahkamah Sesyen, Mahkamah Magistret dan Mahkamah Penghulu. Kuasa diberi kepada tiap-tiap negeri mengadakan Mahkamah Syariah, akan tetapi kuasa Mahkamah Syariah telah disekat. Mahkamah Syariah hanya mempunyai bidangkuasa terhadap orang-orang Islam sahaja dan didalam perkara berhubung dengan undang-undang Keluarga Islam. Kuasanya mengenai kes-kes jenayah pula diberi mengikut undang-undang Persekutuan, iaitu Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965, yang mana pada mulanya hanya memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah membicarakan kes-kes yang boleh dihukum dengan penjara tidak lebih satu tahun dan denda tidak lebih \$1000/- atau kedua-duanya.

Nyatalah Mahkamah Syariah mempunyai kedudukan yang rendah jika dibandingkan dengan Mahkamah-Mahkamah Awam. Ada Mahkamah Syariah yang tidak mempunyai bangunan Mahkamah yang sesuai dan kebanyakannya tidak mempunyai pegawai yang layak dan mencukupi. Kathi-kathi, sungguhpun sebahagian mereka mempunyai ijazah dari Universiti al-Azhar atau University tempatan, tidak diberi taraf professional dan oleh kerana

itu siswa yang lulus dari Universiti tidak minat menjadi Kathi. Rendahnya kedudukan Mahkamah Syariah jelas didapati daripada peruntukan yang terdapat di beberapa negeri bahawa enakmen pentadbiran undang-undang Islam tidak menjejaskan bidangkuasa Mahkamah Awam dan jika terdapat percanggahan antara keputusan Mahkamah Syariah dan keputusan Mahkamah Awam, keputusan Mahkamah Awam yang mengatasinya.

Peraturan mengenai acara dan keterangan tidak dijelaskan dan apa yang diadakan sebagai peraturan hanya mengikut acara dan keterangan di Mahkamah awam yang mana adakalanya berlawanan dengan Hukum Syarak. Oleh kerana itu tidak ada peraturan yang mengikat Mahkamah Syariah itu.

Sistem rayuan pun tidak kemas sungguhpun rayuan boleh dibuat kepada Jawatankuasa yang dipileh daripada beberapa orang yang dilantik oleh Raja. Tidak ada sistem laporan kes-kes yang boleh memberi pedoman dan tunjuk ajar kepada Kathi. Mahkamah Awam termasuk Mahkamah Agong tidak mempunyai kuasa terhadap Mahkamah Syariah, kecuali adakala membatalkan keputusannya apabila Mahkamah Syariah itu keluar dari bidangkuasanya.

Langkah telah diambil baharu-baharu ini untuk meningkat taraf dan kedudukan Mahkamah Syariah dan Hakim-hakimnya dan juga memperkemas susunan Mahkamah Syariah. Selepas perkara-perkara itu dikaji oleh sebuah Jawatankuasa Petugas<sup>(55)</sup> telah dipersetujui bahawa Mahkamah Syariah hendaklah diasingkan dari Pentadbiran Majlis Ugama Islam dan Jabatan Ugama Islam dan Hakim dan Pegawai Mahkamah Syariah diberi kedudukan istimewa di dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Syariah. Di negeri Kedah Enakmen Syariah 1983<sup>(56)</sup> telah menyusun semula Mahkamah Syariah di dua peringkat iaitu Mahkamah Kadhi dan Mahkamah Rayuan. Mahkamah Kadi diketuai oleh Kadi bagi daerah yang ditetapkan. Mahkamah Rayuan mengandungi Kadi Besar, tiga orang Timbalan Kadi Besar dan tiga orang yang dilantik oleh Raja. Tiap-tiap persidangan Mahkamah Rayuan hendaklah dibicara dan diputuskan oleh sekurang-kurangnya seorang Kadi Besar, seorang Timbalan Kadi Besar dan seorang yang dilantik oleh Raja itu.

Di Wilayah Persekutuan<sup>(57)</sup> telah dicadangkan diadakan tiga peringkat Mahkamah Syariah - Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syarie dan Mahkamah Rayuan Syarie. Mahkamah Rendah Syariah diketuai oleh Yang di Pertua, yang dilantik dari pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan



Syariah oleh Yang di Pertuan Agong atas nasihat Hakim Besar Syarie. Mahkamah Tinggi dianggotai oleh Hakim Besar Syarie dan Hakim Syarie. Hakim Syarie dilantik oleh Yang di Pertuan Agong atas nasihat Menteri, selepas berunding dengan Presiden, Mahkamah Rayuan Syarie dan (untuk Hakim) Hakim Besar Syarie. Seorang layak dilantik sebagai Hakim jika ia telah berkhidmat untuk masa sepuluh tahun atau lebih sebagai pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan atau sebagai Peguam Syarie. Mahkamah Rayuan Syarie mempunyai Presiden dan Hakim Rayuan dan tiap-tiap persidangannya hendaklah dibicara dan diputuskan oleh sekurang-kurangnya tiga orang Hakim.

Satu cadangan telah juga dibuat untuk mengadakan Mahkamah Rayuan Syarie diperingkat Persekutuan dan tidak di peringkat Negeri. Apabila rayuan dibuat dari Mahkamah Tinggi Syarie rayuan itu hendaklah dibuat kepada Raja negeri yang berkenaan atau jika negeri tidak mempunyai Raja kepada Yang di Pertuan Agong. Kemudian Yang di Pertuan Agong atau Raja akan merujuk rayuan itu kepada Mahkamah Rayuan Syarie dan Mahkamah Rayuan Syarie kemudian memberi nasihatnya kepada Yang di Pertuan Agong atau Raja. Hakim-hakim Mahkamah Rayuan Syarie boleh pula dipilih dari orang-orang yang layak dari negeri-negeri di Malaysia.

Bidangkuasa Mahkamah Syariah di Malaysia telah ditambah baharu-baharu ini dengan pindaan yang dibuat kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah), 1964.<sup>(58)</sup> Dengan pindaan yang dibuat pada tahun 1984<sup>(59)</sup> bidangkuasa Mahkamah Syarie diluaskan dengan membenarkan mahkamah tersebut membicarakan kes-kes yang boleh dihukum dengan hukuman penjara sehingga tiga tahun atau apa-apa denda sehingga \$5,000/- atau sebat enam rotan atau gabungan hukuman itu. Mahkamah Syariah di Malaysia belum boleh menjatuhkan hukuman hudud atau qisas.

Supaya hakim-hakim Mahkamah Syariah dapat mengendalikan kes-kes yang dibicarakan dihadapan mereka dengan adil dan teratur, adalah perlu bagi mereka mempunyai kelayakan yang mencukupi serta latihan yang sempurna. Di Malaysia satu usaha telah dijalankan untuk memperbaiki kedudukan Kathi-kathi serta kebolehan mereka supaya mereka lebih yakin kepada diri mereka dan tidak lagi merasa diri mereka kecil atau rendah. Untuk tujuan ini, satu kursus telah dimulakan di Universiti Islam Antarabangsa. Dalam hal ini, Malaysia perlu mempelajari dari pengalaman negara-negara lain, umpamanya dari institusi-institusi latihan ikhtisas yang ada di Pakistan atau Institut Pentadbiran Kehakiman di Kaherah, Mesir.

Jika Undang-undang Islam hendak ditadbirkan serta diperkembangan oleh para hakim, kita mestilah mempunyai hakim-hakim yang berkelayakan, cekap dan berkebolehan. Kita sama-sama menunggu suatu masa dimana semua hakim-hakim mahkamah Syariah kita mahir dalam Undang-undang Islam serta berupaya membuat rujukan kepada sumber-sumber asal dalam Bahasa Arab. Kita juga perlu menjalin hubungan yang rapat dengan negara-negara Islam yang lain supaya dapat kita bertukar lapuran-lapuran kes keputusan mahkamah yang dengan itu dapat membantu menambah ilmu sesama kita sambil berusaha mempertingkatkan syi'ar Islam dan Syariah.

Umar, Khalifah kedua, pernah bertulis kepada seorang Kadi, Abu Musa al-Asha'ari, yang maksudnya - (60)

"Perbicaraan hendaklah dijalankan berdasarkan kepada al-Quran dan Sunnah. Yang pertama hendaklah memaham apakah yang dikemukakan kepada mu sebelum apa-apa keputusan dibuat. Layanan samarata yang sepenuhnya kepada semua pihak yang membuat guaman di hadapan mu dan dalam cara kamu memandang mereka juga dalam hukuman yang kamu jatuhkan. Dengan cara itu seorang yang berpangkat tinggi tidak berpeluang menaruh harapan kepada mu untuk menjadi seorang yang tidak adil dan seorang yang lemah pula tidak hilang kepercayaan kepada keadilan mu. Tugas untuk membuktikan adalah menjadi tanggung jawab pihak yang menuntut dan sumpah dikenakan atas pihak yang ingkar. Perdamaian merupakan hak kedua-dua pihak yang membuat guaman, kecuali ianya membenarkan sesuatu yang ditegah atau menegah sesuatu yang dibenarkan oleh Islam. Fahaman yang jelas kepada setiap kes yang dibawa ke hadapan mu dalam perkara-perkara yang tidak ada nas dari al-Quran dan Sunnah. Tugas kamu ialah menggunakan kaedah qiyas atau perbandingan bagi tujuan memisahkan di antara perkara yang ada persamaan dengan yang tidak ada persamaan, kemudian cubalah sedaya upaya mencari keputusan yang di kira lebih hampir kepada keadilan dan ianya boleh dianggap lebih baik di sisi Allah. Jangan tunduk kepada perasaan marah atau bimbang dan jangan pula hilang kesabaran kerana perbuatan orang-orang yang dibicarakan di hadapan mu".

Akhirnya kita mengingatkan kepada hadith yang diriwayatkan dari Amr b. Al-As, bahawa Nabi Muhammad (s.a.w) telah bersabda -

"Apabila seorang hakim membuat keputusan setelah berusaha seberapa dayanya dan keputusan itu betul, ia mendapat dua pahala; dan apabila ia membuat keputusan setelah berusaha seberapa dayanya dan ia tersilap, ia mendapat satu pahala". (61)

## Rujukan

- 1 Sunan Abu Dawud, Kitab Al-Aqdiyah, Hadith 1348 diterjemahkan oleh Ahmad Hassan, Lahore, Pakistan Jil. III m.s 1019.
- 2 Maksud Ayat al-Quran, Surah al-Maida (5): 101
- 3 Ibn Al-Qayyim, I'lam al-Muwaqqi'in m.s 71-72.
- 4 Sama, m.s 70
- 5 Sama, m.s 64
- 6 Sahih al-Bukhari, Kitab al-Nikah, Hadith 69, diterjemahkan oleh Dr. Muhamad Muhsin Khan, Lahore, 1979, Jil. 7, m.s 52.
- 7 Sahih Muslim, Kitab al-Nikah, diterjemahkan oleh A.H Siddiqi, Lahore, 1976, Hadith 3435, Jil. 2 m.s 744.
- 8 Sahih Muslim, Kitab al-Nikah, Hadith 3345, Jil 2, m.s 729.
- 9 Sahih al-Bukhari, Kitab al-Talaq Hadith 177 Jil 7 m.s 150.
- 10 Sahih al-Bukhari, Kitab al-Talaq, Hadith 206, Jil 7, m.s 154
- 11 Sunan Abu Dawud, Kitab al-Farai'd, Hadith 2885, Jil 11 m.s 816.
- 12 Sahih al-Bukhari, Kitab al-Wasaya, Hadith 5 Jil 4 m.s 3.
- 13 Sunan Abu Dawud, Kitab al-Talaq, Hadith 2269, Jil 2 m.s 616.
- 14 Sunan Abu Dawud, Kitab al-Talaq Hadith 2270 Jil 2 m.s 617
- 15 Sunan Abu Dawud, Kitab Al-Hudud, Hadith 4405, Jil 3 m.s 1232
- 16 Malik Muwatta, Kitab al-Faraid 27.8 diterjemahkan oleh Aisha Abdurahman dan Yaqub Johnson, London, m.s 238.
- 17 Sama, m.s 239
- 18 Ibn Qudama, al Mughni Jil VI m.s 180; Minhaj-et-Talibin, Kitab al-Faraid, diterjemahkan oleh E.C Howard, m.s 250-251.
- 19 Al-Baihaqi, Sunan al-Kubra, Jil VIII m.s 278
- 20 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, Selangor, 1952, s. 4
- 21 Saranan oleh Muktamar Pelajaran Islam, Mecca, 1983, m.s 18.
- 22 Sayid Sabiq, Fiqh Sunnah, Bab Hadhanah, Jil 8 m.s 161 disebut dalam kes Wan Abdul Aziz lwn Siti Aishah (1975)1 Jernel Hukum (1) m.s 47.
- 23 Sama, Jil 6, m.s 42
- 24 Sama, Jil 8 m.s 161
- 25 Sama, Jil. 8 m.s 161
- 26 Sama, Jil 8, m.s 183-184.

- 27 Sama, Jil 8 m.s 184-185
- 28 Sama Jil 8 m.s 185
- 29 P.L.D 1980 F.S.C.I
- 30 P.L.D 1986 S.C 240
- 31 I.L.R 25 Cal. 9
- 32 P.L.D 1964 Lah. 558
- 33 P.L.D 1950 Lah 203
- 34 P.L.D 1956 Lah 403
- 35 P.L.D 1959 Lah. 566
- 36 P.L.D 1960 Lah. 1142
- 37 P.L.D 1967 S.C 97
- 38 P.L.D 1984 S.C 329; [1985]1 MLJ cxxvii
- 39 P.L.D 1962 Lah 531
- 40 P.L.D 1975 S.C 624
- 41 P.L.D 1983 F.S.C 255
- 42 Yurisprudensi Badan Peradilan Agama, Djakarta, 1981-1982, m.s 4-38
- 43 Sama, m.s 95-115
- 44 Yurisprudensi Badan Peradilan Agama, Djakarta, 1982-1983 m.s 141-172
- 45 Yurisprudensi Badan Peradilan Agama, Djakarta 1981-1982, m.s 181-220; 1982-1983 m.s 71-110.
- 46 Yurisprudensi Badan Peradilan Agama, Jakarta, 1983-1984 m.s 53
- 47 Yurisprudensi Badan Peradilan Agama, Jakarta 1982-1983 m.s 111
- 48 Yurisprudensi Badan Peradilan Agama, Jakarta, 1984-1985 m.s 43-68
- 49 Sama m.s 99-122
- 50 Sama m.s 123-146
- 51 Sama m.s 147-172
- 52 Sama m.s 173-196
- 53 Yurisprudensi Badan Peradilan Agama, Jakarta, 1983-1984 m.s 27
- 54 1 Jernel Hukum (1) m.s 47 dan 50
- 55 Lapuran Mengenai Kedudukan Mahkamah-Mahkamah Syariah dan Taraf Kadi Seluruh Malaysia, 1981.

- 56 Kedah Enakmen Mahkamah Syariah 1983 (No 1 Tahun 1983). Lihat juga Kelantan Enakmen Mahkamah Syariah 1982 (No 3 Tahun 1982) dan Melaka Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah, 1985, (No 6 Tahun 1985).
- 57 Wilayah Persekutuan Rang Akta Pentadbiran Mahkamah Syariah, 1985.
- 58 Akta 23 Tahun 1965
- 59 Akta A 612.
- 60 Ibn Al-Qayyim, I'lam al-Muwaqqi'in Jilid 1 m.s 85-86.
- 61 Sunan Abu Dawud, Kitab Aqdiyah. Jilid 3, m.s 1013-1014.

PERANAN KEHAKIMAN DALAM  
MELAKSANAKAN HUKUM SYARIAH DI MALAYSIA

oleh

Sheikh Ghazali bin Hj. Abdul Rahman  
(Chief, Kadi Syariah Court, Federal  
Territory, Kuala Lumpur)

Prof. Madya Dr. Mahmud Saedon Awang Othman  
(International Islamic University)

Abdullah Abu Bakar  
(International Islamic University)

Azizan Abdul Razak  
(Universiti Kebangsaan Malaysia)

Rumir Yakob  
(Universiti Kebangsaan Malaysia)